

Lampiran A

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2008

Gred	Jadual Gaji Matrics					
Gred UD41	:	P1T1	RM1999.19	-	P1T24	RM4723.81
		P2T1	RM2095.20	-	P2T24	RM5022.83
		P3T1	RM2195.39	-	P3T24	RM5317.92
Gred UD43	:	P1T1	RM3028.90	-	P1T14	RM5018.81
		P2T1	RM3190.31	-	P2T14	RM5288.64
		P3T1	RM3358.68	-	P3T14	RM5547.49
Gred UD44	:	P1T1	RM3028.90	-	P1T14	RM5018.81
		P2T1	RM3358.68	-	P2T14	RM5547.49
Gred UD47	:	P1T1	RM4431.54	-	P1T8	RM5882.85
		P2T1	RM4647.22	-	P2T8	RM6156.98
		P3T1	RM4871.25	-	P3T8	RM6439.46
Gred UD48	:	P1T1	RM4431.54	-	P1T8	RM5882.85
		P2T1	RM4871.25	-	P2T8	RM6439.46
Gred UD51	:	P1T1	RM4992.31	-	P1T8	RM6443.62
		P2T1	RM5224.69	-	P2T8	RM6734.45
		P3T1	RM5465.42	-	P3T8	RM7033.63
Gred UD52	:	P1T1	RM4992.31	-	P1T8	RM6443.62
		P2T1	RM5465.42	-	P2T8	RM7033.63
Gred UD53	:	P1T1	RM5258.09	-	P1T8	RM6843.02
		P2T1	RM5473.77	-	P2T8	RM7149.15
		P3T1	RM5722.85	-	P3T8	RM7466.41
Gred UD54	:	P1T1	RM5258.09	-	P1T8	RM6843.02
		P2T1	RM5722.85	-	P2T8	RM7466.41

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41: P1T6); atau

- (ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred UD41: P1T6);

- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**LANTIKAN TERUS KE
GRED UD43, UD47, UD51
ATAU UD53**

2. Calon bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD43, UD47, UD51 atau UD53 hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) (i) atau (ii) di atas;
 - (b) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - (c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred UD41, UD43, UD47, UD51 atau UD53 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pegawai Perubatan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pegawai Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

9. Pegawai Perubatan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UD44**

10. Pegawai Perubatan Gred UD41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UD48**

11. Pegawai Perubatan Gred UD43/UD44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UD52**

12. Pegawai Perubatan Gred UD47/UD48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED UD54**

13. Pegawai Perubatan Gred UD51/UD52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perubatan Gred UD54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Perubatan Gred UD53/UD54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2 (3)]